

AMALAN PENYELIAAN DAN HUBUNGANNYA DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN GURU

AMALAN PENYELIAAN DAN HUBUNGANNYA DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN GURU

**Ling Chiew Jung¹
Norasmah Othman²**

¹Faculty Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (E-mail: lingcj9150@gmail.my)

²Faculty Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (Email: lin@ukm.edu.my)

Accepted date: 28-10-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Ling, C. J., & Othman, N. (2018). Amalan Penyeliaan dan Hubungannya Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(22), 28-48.

Abstrak: Kualiti pengajaran guru adalah teras kepada aktiviti penyaluran ilmu pengetahuan dan kemahiran serta penerapan nilai-nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kebanyakan penyeliaan dijalankan sekadar untuk memenuhi keperluan pihak atasan. Sesetengah guru mengatakan bahawa penyeliaan jarang dijalankan. Masa yang singkat diperuntukkan oleh pengetua atau guru besar untuk penyeliaan pengajaran guru di bilik darjah. Pengetua atau guru besar yang berperanan sebagai penyelia sebenarnya tidak memahami proses atau prosedur yang perlu dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan penyeliaan dan kualiti pengajaran guru serta menguji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan melibatkan 382 guru dari setiap PPD di Selangor. Skala Likert lima mata digunakan untuk mengenal pasti tahap amalan penyeliaan pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru. Kajian menunjukkan bahawa amalan penyeliaan guru dan kualiti pengajaran guru berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru. Kajian ini mengesahkan bahawa pentadbir perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan penyeliaan bagi memastikan kualiti pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Kajian lanjutan perlu memfokuskan kepada pembolehubah seperti kepuasan kerja guru bagi mengenal pasti sejauhmana tahap kualiti penyeliaan mempengaruhi efikasi guru dan kepuasan kerja guru selain turut melibatkan pihak murid mengenai kualiti pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kata Kunci: Amalan Penyeliaan, Kualiti Pengajaran Guru, Pengetua

Abstract: Teaching quality is the core in the distribution of knowledge and skills as well as the instillation of noble values through teaching and learning in the classroom. Most of the supervision is carried out in order to meet the needs of the superior. Some teachers say that supervision is rarely conducted. Limited time is spent by the principal for the supervision of

teaching in the classroom. The principal who serves as a supervisor does not really understand the process of procedure that needs to be implemented. The purpose of this study was to identify the level of supervisory practice and the quality of teacher teaching and to examine whether there was a significant relationship between the supervisory practice and the quality of teacher teaching. This study uses a survey design involving 382 teachers from each PPD in Selangor. The five-point Likert scale is used to identify the level of supervision of teacher's teaching and the quality of teacher teaching. Research shows that the practice of teacher supervision and the quality of teaching of teachers are at moderate level. The findings also show that there is a significant relationship between the supervisory practice and the quality of teacher teaching. This study confirms that the administrators need to have the skills and knowledge in conducting supervision to ensure the quality of teacher teaching is at high level. Further studies need to focus on variables such as teachers' job satisfaction as well as involving the students on the quality of teaching of teachers in the teaching and learning process in the classroom.

Keywords: Supervision, Teaching Quality, Principal

Pengenalan

Sebuah sekolah yang berkesan dan cemerlang selalunya diterajui oleh seorang guru besar atau pengetua yang berkesan dan cemerlang (Horng & Loeb, 2010). Dengan keupayaan mereka menggembeleng seluruh tenaga guru dan pelajar-pelajar diyakini matlamat menjadikan sekolah cemerlang akan dapat dicapai. Salah satu tumpuan pengetua dan guru besar ialah meningkatkan tahap kualiti pengajaran guru agar menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan penyampaian pelbagai jenis kemahiran serta pembentukan keperibadian pelajar.

Kualiti pengajaran guru adalah teras kepada aktiviti penyaluran ilmu pengetahuan dan kemahiran serta penerapan nilai-nilai murni melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Abdullah, 2003 dalam Azariah, 2014). Kecemerlangan murid amat berkait rapat dengan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran guru serta keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru (Ayob, 2004). Pensyarah juga memainkan peranan yang penting dalam membantu proses pembelajaran pelajar (Ishak, 2009). Mutu pengajaran dan pembelajaran guru dapat ditingkatkan melalui penyusunan strategi yang berkesan hasil daripada maklum balas pencerapan yang dilakukan (Empi, 2005).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan 'Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 3/1987 yang bertajuk Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di dalam Kelas oleh Pengetua dan Guru Besar' (KPM, 1987). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 merupakan arahan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah oleh pengetua sekolah dan diperingatkan bahawa penyeliaan pengajaran di bilik darjah adalah satu tugas yang penting. Surat ini memberi panduan pada aspek-aspek dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang patut diselia. Surat ini menekankan bahawa pencerapan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru adalah tanggungjawab pengetua sepenuhnya. Namun, beban tugas pengetua yang semakin berat ditambah pula kepelbagaian tugas pengetua turut menimbulkan kekangan masa untuk melakukan tugas pencerapan maka tugas penyeliaan boleh diwakilkan kepada penolong-penolong kanan, penyelia petang, ketua jabatan atau ketua bidang. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa penyeliaan pengajaran guru di bilik darjah merupakan agenda utama dalam pengurusan dan penyeliaan kurikulum sekolah.

Pernyataan Masalah

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 (KPM, 1987) menekankan pengetua atau guru besar bertanggungjawab memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolah dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum memerlukan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran guru yang rapi dan sistematik dari pihak pengetua atau guru besar. Namun pengetua atau guru besar selaku peneraju pelaksanaan pencerapan dibebani dengan tugas pentadbiran dan pengurusan yang terlalu banyak (Holland, 2004). Kebanyakan penyeliaan dijalankan sekadar untuk memenuhi keperluan pihak atasan. Terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa penyeliaan pengajaran yang dilakukan oleh pengetua di sekolah hanya sekadar memenuhi tuntutan birokrasi seperti dokumentasi dan melengkapkan sistem fail sekolah sahaja (Ayob, 2004). Sesetengah guru mengatakan bahawa penyeliaan jarang dijalankan. Penyeliaan hanya dijalankan sekali atau dua kali setahun. Setiap sesi penyeliaan hanya mengambil masa selama setengah jam. Ini bermakna pengetua memperuntukkan masa yang singkat untuk penyeliaan pengajaran guru di bilik darjah (Marshall, 2005 dalam Tang, 2007).

Pengetua atau guru besar yang berperanan sebagai penyelia sebenarnya tidak memahami proses atau prosedur yang perlu dilaksanakan. Mereka lebih cenderung untuk mengumpul data atau markah untuk menyampaikan maklumat kepada pihak atasan. Hal ini menyebabkan tujuan sebenar penyeliaan pengajaran tidak mencapai objektif iaitu memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (Hoy & Miskel, 1982 dalam Yunus, 2011). Guru tidak terasa kesan penyeliaan secara mutlak dan akhirnya perkara yang sama akan terus berulang (Yunos, 2011). Maka, penyeliaan pengajaran yang tidak berkesan dan sistematik gagal membantu guru dalam meningkatkan kecemerlangan pengajaran guru.

Laporan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2013) mendapati bahawa keseluruhan pengajaran dan pembelajaran guru berada pada tahap memuaskan (guru yang memenuhi keperluan minimum) dan hampir 5% lemah (guru yang mempunyai sedikit kekuatan tetapi terdapat banyak kelemahan). Kelemahan yang dikenal pasti berkaitan dengan pembelajaran berpusatkan murid secara 'hands-on' yang kurang dipraktikkan. Mereka juga kurang menggunakan sumber pendidikan (BBM) yang melibatkan interaksi murid dengan BBM semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, kertas Manjong adalah BBM yang sesuai tetapi kurang berkesan. Ini kerana murid kurang berinteraksi dengan BBM yang digunakan. Maka, bimbingan langsung diperlukan untuk mendedahkan guru tentang pembelajaran berpusatkan murid dan penggunaan BBM yang menarik agar mengambil kira kepelbagaian kecerdasan dan deria murid selain meningkatkan minat murid dalam pembelajaran di dalam kelas.

Laporan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2013) juga mendapati bahawa teknik penyoalan guru di dalam bilik darjah adalah berbentuk soalan aras rendah dan kurang mencabar pemikiran kreatif dan kritis murid. Hal ini kerana kebanyakan soalan yang diajukan belum mencakupi pelbagai aras kognitif dan kurang mencabar minda murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta merangsang murid yang bermotivasi rendah untuk menjawabnya. Terdapat juga penyediaan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang tidak mematuhi kehendak Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 (KPM, 1999). Penyediaan RPT tidak merangkumi sepanjang tahun persekolahan selama 42 minggu dan penulisan objektif dalam RPH tidak mengambil kira keupayaan semua murid serta tidak dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur pada akhir pengajaran guru. Tambahan pula, penulisan impak dalam buku rekod mengajar juga tidak lengkap dan tidak konsisten (Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM, 2013). Maka, jelas

menunjukkan sekiranya amalan penyeliaan kurang dilaksanakan oleh pengetua atau pentadbir, maka masalah berkaitan dengan kualiti pengajaran tidak dapat ditangani dengan sebaiknya. Nurahimah (2010) membuktikan bahawa pentadbiran yang tidak membantu dan memberi maklum balas yang sedikit akan meninggalkan kesan negatif terhadap kualiti pengajaran guru.


Objektif Kajian

Sehubungan itu, satu kajian dijalankan bagi tujuan:

- i. Menenal pasti tahap amalan penyeliaan berdasarkan tugas bimbingan langsung, pembinaan kumpulan, perkembangan professional, perkembangan kurikulum dan kajian tindakan.
- ii. Menenal pasti tahap kualiti pengajaran guru berdasarkan aspek perancangan, teknik penyolaan dan penggunaan sumber pendidikan.
- iii. Menenal pasti hubungan antara amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori


Rajah 1 menunjukkan kerangka teori bagi kajian ini. Kajian ini menggunakan model Supervision For Successful Schools oleh Glickman et al. (2014) yang menunjukkan pelbagai elemen penting dan kaitannya dengan proses penyeliaan. Model ini bercorak pembangunan yang menitikberatkan beberapa tugas penyeliaan yang perlu dilakukan oleh setiap penyelia untuk membangunkan dan meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Seseorang penyelia mesti mempunyai tiga prasyarat penyeliaan iaitu pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran berkomunikasi (Glickman et al., 2014). Penyelia perlu memahami apakah yang menggerakkan guru dan seluruh sekolah daripada yang biasa dan sederhana kepada kecemerlangan. Selain itu, penyelia perlu mempunyai kompetensi teknikal seperti

memerhati, merancang, menilai dan mentafsir peningkatan pengajaran. Penyelia juga perlu mempunyai kemahiran asas interpersonal yang kuat. Penyelia mesti mengetahui bagaimana tingkah laku interpersonal mereka sendiri boleh mempengaruhi individu serta kumpulan guru dan kemudian mengkaji pelbagai tingkah laku interpersonal yang mungkin digunakan untuk memupuk hubungan positif dan berorientasikan perubahan. Ketiga-tiga prasyarat penyeliaan ini merupakan asas kepada pembangunan pengajaran dalam bilik darjah.

Tambahan pula, penyelia perlu mempunyai pendidikan dan kelayakan tertentu yang membolehkan guru menilai dan mengubah arahan mereka. Dalam merancang sesuatu tugas, penyelia perlu merancang cara-cara tertentu untuk membimbing guru dalam mendidik murid. Lima tugas teknikal yang mempengaruhi perkembangan guru ialah bimbingan langsung, pembinaan kumpulan, perkembangan profesional, perkembangan kurikulum dan kajian tindakan. Bimbingan langsung melibatkan hubungan yang berterusan antara penyelia dengan guru untuk memerhati dan membantu dalam pengajaran dalam bilik darjah. Pembinaan kumpulan melibatkan pertemuan guru-guru dalam membuat keputusan mengenai kebimbangan tentang pengajaran bersama-sama. Perkembangan profesional termasuk peluang pembelajaran yang disediakan dan disokong oleh sekolah atau sistem sekolah untuk guru dalam bidang tertentu. Perkembangan kurikulum adalah semakan dan pengubahsuaian kandungan, rancangan dan bahan pengajaran dalam bilik darjah. Akhir sekali, penyelidikan tindakan ialah kajian sistematik yang dijalankan oleh guru dalam bidang tertentu tentang apa yang berlaku di dalam bilik darjah dan sekolah dengan tujuan untuk meningkatkan pembelajaran.

Kerangka Konsep Kajian



Rajah 2: Kerangka Konsep Kajian

Rajah 2 menunjukkan kerangka konsep kajian yang digunakan sebagai panduan bagi menjalankan kajian. Kajian ini memberi penekanan kepada amalan penyeliaan dan kualiti pengajaran guru. Kajian ini menggunakan model Supervision For Successful Schools oleh Glickman et al. (2014) yang membincangkan pelbagai tahap amalan penyeliaan iaitu tugas bimbingan langsung, pembinaan kumpulan, perkembangan professional, perkembangan kurikulum dan kajian tindakan. Kajian ini juga membincangkan tahap kualiti pengajaran guru berdasarkan aspek perancangan, teknik penyoalan dan penggunaan sumber pendidikan (BBM). Akhir sekali, kajian ini mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru.

Tinjauan Literatur

Model Penyeliaan

Pelbagai pendekatan digunakan dalam penyeliaan. Antara model penyeliaan adalah model penyeliaan pembangunan dan model penyeliaan klinikal. Model penyeliaan pembangunan memfokuskan tahap pembangunan individu guru dan kesan terhadap prestasi perhubungan interpersonal dalam penyeliaan (Glickman et al., 2014). Beberapa tugas utama yang sering kali dikaitkan dengan amalan-amalan penyeliaan pengajaran seperti bantuan langsung, pembinaan kumpulan, perkembangan profesional, perkembangan kurikulum dan kajian tindakan.

Bantuan langsung merupakan bantuan yang diberi oleh penyelia kepada guru untuk membantu guru meningkatkan mutu pengajaran secara individu (Sufean, 2005). Matlamat utama bantuan secara langsung ialah memberi keyakinan kepada guru bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Aktiviti dalam kumpulan menggalakkan kerjasama antara guru, memperbaiki perhubungan, komunikasi, melahirkan unsur kepercayaan dan toleransi supaya mereka dapat memperbaiki lagi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Aspek perkembangan profesionalisme merangkumi segala usaha dan peluang pembelajaran yang dibekalkan kepada guru untuk membantu guru agar lebih mahir dalam aktiviti pengajaran serta mengukuhkan perkembangan emosi, sosial dan nilai etika mereka. Ini dapat dilakukan dalam pelbagai cara seperti pembelajaran kolaboratif, refleksi kritikal dan dialog profesional. Ia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam perkembangan ilmu pengetahuan di samping memberi peluang pembelajaran kepada guru.

Dalam proses perkembangan kurikulum, penyelia bersama-sama guru diselia, dikehendaki memilih tujuan kurikulum, isi kandungan kurikulum, organisasi kurikulum dan format kurikulum yang paling sesuai bagi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ia memudahkan guru melaksanakan kurikulum secara berkesan jika mereka diberi peluang untuk melibatkan diri dalam proses pembinaan kurikulum yang sesuai dengan keadaan bilik darjah dan konteks sekolah. Kajian tindakan merujuk kepada penyeliaan yang dibuat secara sistematik tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah dan sekolah untuk penambahbaikan pembelajaran. Ia membuka ruang untuk pembuatan keputusan tentang tindakan yang perlu diambil bagi penambahbaikan pengajaran selain menggalakkan kerjasama dan berdialog antara guru tentang isu-isu atau masalah di sekolah.

Penyeliaan klinikal merupakan satu proses penyeliaan yang sistematik, berturutan dan berterusan yang melibatkan interaksi di antara penyelia dan guru. Penyeliaan klinikal menekankan pentingnya interpersonal dan hubungan kemanusiaan (Che Masnah, 2008). Penyeliaan ini berlaku atas dasar persefahaman, kerjasama padu dan saling hormat menghormati melalui hubungan yang mesra antara penyelia dan guru yang diselia. Maka, objektif pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru akan mudah dicapai. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme guru dengan memberi penekanan kepada penambahbaikan amalan pengajaran di bilik darjah (Acheson & Gall, 2003). Model penyeliaan klinikal mencadangkan lima fasa dalam menjalankan penyeliaan klinikal iaitu perbincangan pra-pencerapan, pencerapan pengajaran, analisis dan strategi, pasca pencerapan dan analisis pos-pencerapan (Goldhammer, Ander dan Krajewski, 1993 dalam Gordon & Maxey, 2000)

Kualiti Pengajaran

Kualiti pengajaran bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar (Abdul Rahim, 2005). Berdasarkan laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2012), kualiti pengajaran guru merupakan salah satu bahagian yang masih berada pada tahap sederhana. Antara aspek yang perlu diberi penekanan ialah perancangan, teknik penyediaan guru dan penggunaan sumber pendidikan (BBM). Ketiga-tiga aspek ini dilihat masih lemah dan perlu ditambahbaik dalam proses pengajaran guru di bilik darjah. Selain itu, ketiga-tiga aspek ini dilihat selari dengan kriteria pada Standard Empat dalam SKPMg2 2017 iaitu pembelajaran dan pengajaran.

Perkaitan Antara Penyeliaan dan Kualiti Pengajaran Guru

Pengetua sebagai penyelia perlu sentiasa berusaha mencari kaedah yang sesuai atau yang lebih baik bagi guru melaksanakan pengajaran mereka seterusnya menghasilkan satu pengajaran yang berkesan (Alimuddin, 2010). Penyeliaan pengajaran mestilah terlibat dalam bidang aktiviti yang saling berkaitan antara satu dengan lain iaitu usaha guru untuk menjadikan pengajaran mereka berkesan dan keupayaan pengetua memberikan bimbingan dan panduan (Hamdan & Rahimah, 2011). Penyeliaan perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran guru sentiasa mempunyai standard dan kualiti yang baik. Penilaian atau penyeliaan terhadap guru di bilik darjah mestilah selalu dilakukan sama ada dengan cara memantau kaedah pengajaran atau menyemak kerja-kerja yang diberikan kepada pelajar. Dengan itu, guru akan mendapat bimbingan secara terus daripada pengetua dan membolehkan guru sentiasa bersedia untuk dinilai atau diselia.

Isu-isu Pelaksanaan Penyeliaan

Kajian oleh Arsaythamby, Mary & Rozalina (2013) menunjukkan penyeliaan klinikal membantu guru dalam meningkatkan PdP guru selain meningkatkan kefahaman murid. Mohd Zawawi (2002) menyatakan bahawa 75% guru bersetuju bahawa penyeliaan dapat meningkatkan mutu pengajaran guru. Hasil kajian ini juga menunjukkan 82.5% guru bersetuju bahawa penyeliaan pengajaran perlu memberi perhatian kepada teknik mengajar, kaedah penyediaan, set induksi dan komunikasi dua hala guru dengan pelajar.

Kajian Sullivan & Glanz (2000) mendapati penyeliaan pengajaran dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini juga menunjukkan beberapa perkara di mana guru perlu diberi perhatian semasa menggunakan sudut mata pelajaran dan juga memastikan pelajar membawa peralatan atau bahan yang diperlukan. Radi (2007) menyatakan bahawa sesi perbincangan antara penyelia dan guru perlu dilakukan bagi mendapatkan maklum balas terhadap proses penyeliaan yang berlaku.

Penyeliaan pengajaran yang bertujuan membantu guru memberikan pengajaran yang berkesan dan pengalaman pembelajaran yang lebih bermutu kepada pelajar masih belum tercapai (Baharom, 2002). Beliau juga mendapati sikap guru yang kurang wajar serta pengetua yang belum bersedia melaksanakan penyeliaan pengajaran merupakan kekangan yang perlu diatasi. Hasil kajian Baharom (2002) mendapati 5.88% guru di sekolah menengah tidak bersetuju penyeliaan pengajaran dilakukan. Hal ini mungkin kerana mereka kurang memahami tujuan sebenar penyeliaan pengajaran.

Patris (2016) menjalankan satu kajian di SMU Maria Mediatrix Ambon, Indonesia untuk menilai kecekapan penyelia, pelaksanaan amalan penyeliaan akademik dan impak amalan penyeliaan akademik. Ia menunjukkan bahawa majoriti guru bersetuju bahawa amalan

penyelidikan akademik adalah sangat membantu. Beberapa hasil yang ketara yang diperolehi daripada guru mengiktiraf bahawa amalan penyelidikan akademik meningkatkan motivasi kerja guru selain guru-guru lebih bersedia untuk mengajar dan seterusnya membantu meningkatkan kualiti proses PdP. Kajian kes Ahmad & Noor (2017) di Jerusalem, Israel yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penyelidikan klinikal terhadap pembangunan profesional guru menunjukkan bahawa model penyelidikan klinikal menyumbang secara berkesan kepada perkembangan profesional guru dari segi kemahiran komunikasi, amalan pengajaran, kemahiran berfikir dan penilaian diri.

Selain itu, Mudawali & Mudzofir (2017) menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk melihat persepsi guru terhadap penyelidikan pengajaran dan hubungan antara penyelidikan pengajaran dengan pembangunan profesional guru. Kajian ini melibatkan sembilan buah sekolah menengah dan Madrasah Tsanawuyah sekolah. Hasil kajian menunjukkan amalan penyelidikan yang dijalankan oleh pengetua dalam rangka pengembangan profesional guru tidak mempunyai korelasi yang signifikan, tetapi guru masih memiliki persepsi positif terhadap pengajaran penyelidikan.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Istilah kuantitatif bermaksud berapa banyak atau bilangannya (Chua, 2014). Dalam penyelidikan kuantitatif, data numerika dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian kuantitatif dioperasionalkan sebelum diukur. Pengkaji menggunakan dua pemboleh ubah iaitu amalan penyelidikan sebagai pemboleh ubah bebas dan kualiti pengajaran guru sebagai pemboleh ubah bersandar. Amalan penyelidikan diukur melalui skala Likert 5 mata. Kajian ini akan menjawab persoalan amalan atau tugas penyelidikan pengetua yang paling dominan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru. Dengan cara ini, pengkaji dapat mengetahui amalan penyelidikan pengajaran di sekolah kajian. Seterusnya, kajian ini akan mengkaji hubungan antara amalan penyelidikan dan kualiti pengajaran guru.

Kaedah tinjauan adalah merupakan proses untuk mengumpulkan penerangan terperinci berhubung dengan sesuatu fenomena yang berlaku, bertujuan untuk menggunakan data bagi membuktikan situasi dan amalan-amalan yang wujud (Dalen, 2002 dalam Radi 2007). Kaedah ini dipilih kerana kaedah ini sangat sesuai memandangkan setiap maklumat yang dikehendaki boleh diperolehi secara terus dari pemberi maklumat yang terbabit. Selain itu, kaedah ini menjimatkan masa dan data yang diperolehi juga dapat dikumpulkan dengan berkesan.

Kajian ini dilaksanakan di Selangor kerana mempunyai bilangan guru SR dan SM paling ramai iaitu 62,412 orang guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih sampel dalam kajian ini dan sebanyak 382 orang guru telah terpilih. Profil demografi kajian secara terperinci dipaparkan seperti Jadual 1. Pengkaji memberikan nombor-nombor bagi setiap nama guru selepas mendapatkan senarai nama guru yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dan pernah diselia oleh pengetua atau wakilnya. Perisian *Graph Pad* digunakan untuk menjana nombor rawak. Nama yang sepadan dengan nombor yang dijana dipilih sebagai responden kajian ini.

Jadual 1: Profil Demografi Kajian

Profil Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	106	27.7%
Perempuan	276	72.3%
Jumlah	382	100.0%
Pengalaman Mengajar		
Kurang 5 tahun	136	35.6%
5 - 10 tahun	59	15.4%
11 - 15 tahun	86	22.5%
Lebih 16 tahun	101	26.4%
Jumlah	382	100.0%

Data kajian diperoleh dengan mendedarkan borang soal selidik dalam bentuk *Google Forms* kepada guru-guru yang terlibat. Borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A mengandungi demografi responden (jantina dan pengalaman mengajar), Bahagian B mengandungi 20 item mengenai amalan penyeliaan pengajaran guru yang dibuat berpandukan soal selidik oleh Yunos (2011) tentang kepemimpinan pengetua dalam penyeliaan pengajaran di sekolah menengah dan Bahagian C mengandungi 11 item mengenai kualiti pengajaran guru yang dibuat berpandukan Instrumen Pemastian Standard (IPS) dari Jemaah Nazir Sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

Satu kajian rintis telah dijalankan pada 25 June 2018 di sebuah sekolah rendah di Puchong Jaya bagi menguji item-item soal selidik sama ada bersesuaian atau tidak. Ia dapat membantu menyemak dari pelbagai aspek seperti penggunaan laras bahasa dan dapat meningkatkan kemahiran sebelum menjalankan kajian sebenar. Kajian rintis telah dijalankan kepada 48 orang guru yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Jadual 2 adalah keputusan kesahan instrumen oleh empat panel pakar dan kebolehpercayaan tentang komponen amalan penyeliaan pengajaran guru. Nilai kesahan item adalah antara 0.94 hingga 1.0 dan nilai Alfa Cronbach keseluruhan bagi setiap aspek tentang amalan penyeliaan pengajaran adalah antara 0.760 hingga 0.932. Hal ini menunjukkan semua item bagi amalan penyeliaan pengajaran guru tidak perlu disingkirkan kerana nilai kesahan item melebihi 0.75 dan nilai kepercayaan melebihi 0.7.

Jadual 2: Indeks Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dari Komponen Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru

AMALAN PENYELIAAN PENGAJARAN	ITEM	NILAI KESAHAN ITEM	NILAI ALFA CRONBACH
Bantuan Langsung	1 hingga 4	0.94	0.932
Pembinaan Kumpulan	5 hingga 8	1.00	0.806
Perkembangan Profesional	9 hingga 12	0.94	0.794
Perkembangan Kurikulum	13 hingga 16	1.00	0.857
Kajian Tindakan	17 hingga 20	1.00	0.760
	Keseluruhan	0.975	0.871

Jadual 3 adalah keputusan kesahan instrumen oleh empat panel pakar dan kebolehppercayaan instrumen tentang komponen kualiti pengajaran guru. Nilai kesahan item adalah 1.00 dan nilai Alfa Cronbach keseluruhan bagi setiap aspek tentang kualiti pengajaran guru adalah antara 0.974 hingga 0.982. Hal ini menunjukkan semua item bagi kualiti pengajaran guru tidak perlu disingkirkan kerana nilai kesahan item melebihi 0.75 dan nilai kepercayaan melebihi 0.7. Secara ringkasnya, daripada analisis kesahan instrumen dan kebolehppercayaan yang telah dibuat, maka pengkaji telah membentuk satu set instrumen soal selidik bagi melihat amalan penyeliaan pengajaran dan tahap kualiti pengajaran yang lengkap.

Jadual 3: Indeks Kesahan Dari Komponen Kualiti Pengajaran Guru

KUALITI PENGAJARAN GURU	ITEM	NILAI KESAHAN ITEM	NILAI ALFA CRONBACH
Perancangan	1 hingga 3	1.00	0.974
Teknik Penyoalan	4 hingga 7	1.00	0.978
Penggunaan Sumber Pendidikan	8 hingga 11	1.00	0.982
	Keseluruhan	1.00	0.990

Data yang dikumpulkan akan dikodkan dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 20.0 secara deskriptif. Statistik deskriptif diaplikasikan bagi mengenal pasti tahap amalan penyeliaan dan kualiti pengajaran guru. Analisis deskriptif dengan berasaskan pengukuran kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai telah diaplikasikan untuk memperoleh data dalam kajian ini. Skala interpretasi bagi skor min data adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min

Julat min skor	Tahap
3.67 - 5.00	Tinggi
2.34 - 3.66	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

Sumber: Jamil Ahmad (2002)

Bagi analisis inferensi, Ujian korelasi Pearson juga digunakan untuk mengukur hubungan antara amalan penyeliaan pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru. Nilai r positif menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara amalan penyeliaan pengajaran guru dan kualiti pengajaran guru manakala nilai r negatif menunjukkan terdapat hubungan yang negatif antara amalan penyeliaan dan kualiti pengajaran guru.

Jadual 5: Interpretasi Nilai Pekali Korelasi

Saiz pekali korelasi (r)	Tahap Hubungan
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat lemah
0.00	Tiada korelasi

Sumber: Chua (2014)

Dapatan dan Perbincangan

Tahap Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru

Bagi menganalisis tahap amalan penyeliaan pengajaran guru, lima tugas amalan penyeliaan telah digunakan dalam kajian ini. Ia merangkumi bimbingan langsung, pembinaan kumpulan, perkembangan profesional, perkembangan kurikulum dan kajian tindakan. Tahap amalan penyeliaan pengajaran guru di Selangor dapat dirumuskan seperti Jadual 6 berikut.

Jadual 6: Tahap Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru

No	Amalan Penyeliaan	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Bimbingan Langsung	3.26	0.778	Sederhana
2	Pembinaan Kumpulan	3.56	0.728	Sederhana
3	Perkembangan Profesional	3.68	0.731	Tinggi
4	Perkembangan Kurikulum	3.77	0.700	Tinggi
5	Kajian Tindakan	3.26	0.791	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.51	0.746	Sederhana

Secara keseluruhan, tahap amalan penyeliaan pengajaran guru di Selangor adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.51 dan sisihan piawai 0.746. Amnya, kesemua tugas amalan penyeliaan dalam Jadual 6 menunjukkan skor min di antara 3.26 hingga 3.77, iaitu pada tahap sederhana dan tinggi. Konstruk yang mempunyai skor min yang tertinggi antara lima tugas adalah tugas perkembangan kurikulum dengan skor min = 3.77. Perisian mengenai tugas perkembangan kurikulum boleh dirujuk pada Jadual 7. Item yang menunjukkan frekuensi tertinggi ialah item 15 sebanyak 86.4 peratus ($K=44.8$ peratus dan $SK=41.6$ peratus) iaitu '*Penyelia sentiasa mengingatkan guru agar menggunakan masa di kelas sebaik-baiknya dan mengikut jadual yang ditetapkan*'. Frekuensi terendah ialah item 14, '*Penyelia sentiasa merancang latihan yang dapat membantu meningkatkan pengetahuan guru*' iaitu 46.6 peratus ($K=43.7$ peratus dan $SK=2.9$ peratus) dalam tugas perkembangan kurikulum. Hal ini menunjukkan penyelia mementingkan perkembangan kurikulum guru.

Dapatan ini disokong oleh Hamidah (2012) yang mengatakan dengan mengenal pasti kecenderungan dan kecerdasan murid, mereka akan lebih bersemangat untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik manakala proses pengajaran guru yang berlangsung di dalam kelas akan menjadi lebih efektif dan berkesan. Mohd & Mohamad (2009) berpendapat bahawa seorang guru harus bijak mengurus dan mengatur masa dalam memastikan segala tugas sampingan yang dipertanggungjawabkan tidak mengganggu tugas utama mereka dalam mengurus bilik darjah dengan baik. Swarts (2008) turut menyatakan bahawa latihan dalam perkhidmatan memberikan guru-guru untuk memperolehi pengetahuan dan kompetensi yang mencukupi dan sesuai untuk menambahbaik kompetensi dan keyakinan mereka. Beliau juga membincangkan bahawa latihan dalam perkhidmatan menyediakan guru untuk menjalankan peranan mereka dengan berkesan.

Jadual 7: Rumusan Tahap Amalan Penyeliaan Berdasarkan Aspek Perkembangan Kurikulum

No	Item Perkembangan Kurikulum	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
13	Penyelia sentiasa merancang latihan dalam perkhidmatan berdasarkan keperluan semua guru.	3 0.8%	30 7.9%	148 38.7%	186 48.7%	15 3.9%
14	Penyelia sentiasa merancang latihan yang dapat membantu meningkatkan pengetahuan guru.	0 0%	14 3.7%	190 49.7%	167 43.7%	11 2.9%
15	Penyelia sentiasa mengingatkan guru agar menggunakan masa di kelas sebaik-baiknya dan mengikut jadual yang ditetapkan.	0 0%	3 0.8%	49 12.8%	171 44.8%	159 41.6%
16	Guru-guru bebas menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut tahap kecerdasan murid.	0 0%	22 5.8%	66 17.3%	231 60.4%	63 16.5%
Keseluruhan		Min = 3.77	s.p. = 0.700	Tinggi		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Tugas amalan penyeliaan pengajaran guru yang menunjukkan nilai skor min yang paling rendah adalah tugas bimbingan langsung dan kajian tindakan dengan nilai min 3.26. Jadual 8 menunjukkan item yang terlibat dalam tugas bimbingan langsung dan Jadual 9 menunjukkan item yang terlibat dalam tugas kajian tindakan. Analisis per item bagi tugas bimbingan langsung menunjukkan, frekuensi tertinggi ialah item 4 sebanyak 51.8 peratus (K=48.7 peratus dan SK=3.1 peratus) iaitu '*Penyelia sentiasa menerima cadangan atau idea yang diberi oleh guru berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran*'. Item 1, '*Penyelia menjalankan demonstrasi pengajaran sebelum mencerap pengajaran guru*' menunjukkan frekuensi terendah iaitu 14.1 peratus (K=10.2 peratus dan SK=3.9 peratus) dalam tugas bimbingan langsung. Secara keseluruhannya, penyelia memberi bimbingan langsung berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru.

Dapatan ini selari dengan apa yang ditemui oleh Yunos (2011) iaitu penyelia tidak pernah membuat demonstrasi pengajaran sebelum melaksanakan amalan penyeliaan. Selain itu, penyelia kadang-kadang membantu guru meningkatkan mutu pengajaran secara individu. Hasil kajian Rahimah (2008) juga mengatakan bahawa penyelia banyak membantu guru dalam menyelesaikan masalah berkaitan pengajaran.

Jadual 8: Rumusan Tahap Amalan Penyeliaan Berdasarkan Aspek Bimbingan Langsung

No	Item Bimbingan Langsung	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
1	Penyelia menjalankan demonstrasi pengajaran sebelum mencerap pengajaran guru.	15 3.9%	120 31.5%	193 50.5%	39 10.2%	15 3.9%

2	Penyelia sentiasa membantu saya meningkatkan mutu pengajaran secara individu.	8 2.1%	30 7.9%	160 41.9%	173 45.3%	11 2.8%
3	Penyelia sentiasa memberi nasihat secara individu dalam aspek pengajaran.	8 2.1%	30 7.9%	149 39.0%	180 47.1%	15 3.9%
4	Penyelia sentiasa menerima cadangan atau idea yang diberi oleh guru berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran.	8 2.1%	22 5.8%	154 40.3%	186 48.7%	12 3.1%
Keseluruhan		Min = 3.26	s.p. = 0.778	Sederhana		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Jadual 9 memaparkan semua item yang terdapat dalam tugas kajian tindakan. Item 17 memaparkan frekuensi tertinggi sebanyak 55.5 peratus (K=41.1 peratus dan SK=14.4 peratus) iaitu '*Penyelia menggalakkan guru-guru meneroka kaedah pengajaran berkesan bagi meningkatkan prestasi akademik murid*'. Sementara item 19, '*Penyelia menggalakkan guru-guru membuat kajian tindakan dan memberi ganjaran yang setimpal atas usaha guru*' menunjukkan frekuensi terendah iaitu 21.7 peratus (K=16.7 peratus dan SK=5.0 peratus) dalam tugas kajian tindakan.

Hal ini membuktikan bahawa penyelia menyokong guru-guru dalam menjalankan kajian tindakan. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Faizah (2016) bahawa kajian tindakan dapat memperbaiki mutu PdP yang secara tidak langsung boleh membantu pembangunan profesionalisma guru-guru. Pembangunan profesionalisma termasuk pertambahan ilmu tentang murid, peralihan fokus dari diri sendiri kepada murid di dalam bilik darjah, pertambahan metakognitif terhadap impak pengajaran terhadap murid dan pertambahan kemahiran menyelesaikan masalah pengajaran yang bercorak kepelbagaian, multidimensi dan spesifik kepada konteks. Kementerian Pendidikan Malaysia (2008) juga mengatakan bahawa kajian tindakan bukan sahaja digunakan untuk memperkukuhkan pengurusan di sekolah, tetapi ia juga dijalankan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Matlamat utama kajian tindakan adalah berdasarkan kepada satu hasrat iaitu untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pentadbir dan guru di sekolah. Kajian Tindakan diyakini dapat menonjolkan amalan terbaik dalam pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah.

Jadual 9: Rumusan Tahap Amalan Penyeliaan Berdasarkan Aspek Kajian Tindakan

No	Item Kajian Tindakan	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
17	Penyelia menggalakkan guru-guru meneroka kaedah pengajaran berkesan bagi meningkatkan prestasi akademik murid.	3 0.8%	12 3.1%	155 40.6%	157 41.1%	55 14.4%
18	Penyelia membimbing guru membuat kajian tindakan bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.	8 2.1%	65 17.0%	200 52.4%	101 26.4%	8 2.1%

19	Penyelia menggalakkan guru-guru membuat kajian tindakan dan memberi ganjaran yang setimpal atas usaha guru.	6 1.6%	56 14.7%	237 62.0%	64 16.7%	19 5.0%
20	Guru-guru diberi sokongan material bagi menjalankan kajian tindakan.	8 2.1%	54 14.1%	194 50.8%	100 26.2%	26 6.8%
Keseluruhan		Min = 3.26	s.p. = 0.791	Sederhana		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Jadual 10 memaparkan semua item yang terdapat dalam tugas pembinaan kumpulan. Frekuensi tertinggi ialah item 6 sebanyak 58.6 peratus (K=49.5 peratus dan SK=9.1 peratus) iaitu '*Penyelia menggalakkan semua guru bekerjasama dalam memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran*'. Sementara item 5 menunjukkan frekuensi terendah iaitu 42.7 peratus (K=31.4 peratus dan SK=11.3 peratus) dalam kalangan responden yang berpendapat bahawa '*Penyelia menggalakkan semua guru membuat keputusan secara berkumpulan*' dalam tugas pembinaan kumpulan.

Hal ini menunjukkan penyelia mementingkan tugas pembinaan kumpulan antara guru-guru dalam memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini juga adalah selari dengan penemuan Alauddin (2003) yang mengatakan bahawa kerja berpasukan adalah melibatkan gabungan kebolehan, kemahiran dan pengalaman yang dilakukan secara bersepadu untuk menghasilkan output kerja yang lebih tinggi dari segi kuantiti dan kualiti berbanding usaha yang dilakukan secara perseorangan. Hubungan antara guru dapat dieratkan melalui komunikasi, perbincangan dan membuat keputusan secara berkumpulan. Dapatan kajian Syed, Mohd & Habib (2017) menunjukkan sekiranya mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja, pelaksanaan pengajaran akan berjalan dengan baik. Hubungan yang baik dengan rakan sekerja mudah mendapat kerjasama dengan guru-guru lain dalam menjayakan proses pengajaran.

Jadual 10: Rumusan Tahap Amalan Penyeliaan Berdasarkan Aspek Pembinaan Kumpulan

No	Item Pembinaan Kumpulan	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
5	Penyelia menggalakkan semua guru membuat keputusan secara berkumpulan.	6 1.6%	25 6.5%	188 49.2%	120 31.4%	43 11.3%
6	Penyelia menggalakkan semua guru bekerjasama dalam memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran.	3 0.8%	3 0.8%	152 39.8%	189 49.5%	35 9.1%
7	Penyelia menggalakkan semua guru saling berkomunikasi berkaitan dengan pengajaran.	0 0%	6 1.6%	154 40.3%	191 50.0%	31 8.1%
8	Penyelia menggalakkan semua guru melahirkan unsur kepercayaan antara satu sama lain dalam memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran.	6 1.6%	11 2.9%	182 47.6%	156 40.8%	27 7.1%

Keseluruhan Min = 3.56 s.p. = 0.728 Sederhana

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Jadual 11-pula memaparkan semua item yang terdapat dalam tugas perkembangan profesional. Item 11 iaitu '*Semua guru yang mengikuti kursus peningkatan profesionalisme di luar, wajib memberi kursus dalaman kepada guru-guru lain di sekolah*' menunjukkan frekuensi tertinggi sebanyak 84.0 peratus (K=63.9 peratus dan SK=20.1 peratus). Frekuensi terendah ialah item 10, '*Penyelia memberi kebebasan kepada guru-guru untuk menentukan pengisian program perkembangan staf*' iaitu 37.7 peratus (K=32.7 peratus dan SK=5.0 peratus) dalam tugas perkembangan profesional.

Hal ini membuktikan bahawa penyelia sangat mementingkan perkembangan profesional guru dengan merancang program perkembangan staf mengikut keperluan guru-guru dan mewajibkan pemberian kursus dalaman kepada guru-guru di sekolah oleh guru yang mengikuti kursus peningkatan profesionalisme di luar. Dapatan ini juga adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) yang menggariskan hanya guru-guru yang berkualiti tinggi dan berprestasi tinggi akan mengisi sistem pendidikan negara kita. Maka kerajaan mempromosikan pembangunan profesionalisme secara berterusan guru sebagai salah satu anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (KPM, 2013).

Jadual 11: Rumusan Tahap Amalan Penyeliaan Berdasarkan Aspek Perkembangan Profesional

No	Item Perkembangan Profesional	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
9	Penyelia merancang semua program perkembangan staf mengikut keperluan guru-guru.	0 0%	39 10.2%	129 33.8%	123 32.2%	91 23.8%
10	Penyelia memberi kebebasan kepada guru-guru untuk menentukan pengisian program perkembangan staf.	3 0.8%	13 3.4%	222 58.1%	125 32.7%	19 5.0%
11	Semua guru yang mengikuti kursus peningkatan profesionalisme di luar, wajib memberi kursus dalaman kepada guru-guru lain di sekolah.	0 0%	3 0.8%	58 15.2%	244 63.9%	77 20.1%
12	Penyelia selalu memaklumkan peluang-peluang peningkatan profesionalisme kepada semua guru.	6 1.6%	11 2.9%	130 34.0%	220 57.6%	15 3.9%
Keseluruhan		Min = 3.68	s.p. = 0.731	Tinggi		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Tahap Kualiti Pengajaran Guru

Bagi menganalisis tahap kualiti pengajaran guru, tiga aspek termasuk perancangan, teknik penyoalan dan penggunaan sumber pendidikan (BBM) telah digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis dapat dirumuskan seperti Jadual 12.

Jadual 12: Tahap Kualiti Pengajaran Guru

No	Kualiti Pengajaran Guru	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Perancangan	3.49	0.747	Sederhana
2	Teknik Penyolaan	3.49	0.699	Sederhana
3	Penggunaan Sumber Pendidikan (BBM)	3.53	0.749	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.50	0.732	Sederhana

Secara keseluruhannya, tahap kualiti pengajaran guru di Selangor adalah pada tahap sederhana dengan nilai min 3.50 dan sisihan piawai 0.732. Amnya, kesemua aspek dalam jadual menunjukkan skor min di antara 3.49 hingga 3.53, iaitu pada tahap sederhana. Aspek yang mempunyai skor min yang tertinggi antara tiga aspek adalah aspek penggunaan sumber pendidikan (BBM) dengan skor min 3.53. Perincian mengenai aspek penggunaan sumber pendidikan (BBM) boleh dirujuk pada Jadual 13. Frekuensi tertinggi ialah item 11 sebanyak 58.4 peratus (K=53.4 peratus dan SK=5.0 peratus) iaitu '*Penyeliaan membantu saya dalam menggunakan ABM bagi meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam pembelajaran*'. Item 9, '*Penyeliaan membantu saya dalam memilih ABM yang dapat merangsang pemikiran murid*' menunjukkan frekuensi terendah iaitu 49.8 peratus (K=41.1 peratus dan SK=8.7 peratus) dalam aspek penggunaan sumber pendidikan (BBM).

Hal ini menunjukkan guru-guru memberi tumpuan kepada penggunaan sumber pendidikan (BBM) dalam pengajaran di kelas. Dapatan ini sepadan dengan hasil kajian Radi (2007) yang menyatakan penyeliaan dapat memberi maklum balas terhadap peralatan mengajar yang digunakan oleh guru. Ware dan Kitsantas (2007) mengatakan bahawa penyelia menggalakkan guru untuk meneroka kaedah pengajaran yang baru dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian Tay, Yap dan Wong (2016) yang mendapati bahawa penyeliaan yang berkesan dapat membantu guru dalam pengurusan bahan bantu mengajar, penggunaan strategi pengajaran yang berkesan dan menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian.

Jadual 13: Rumusan Tahap Kualiti Pengajaran Guru Berdasarkan Aspek Penggunaan Sumber Pendidikan (Bbm)

Penggunaan Sumber Pendidikan (BBM)							
No	Item Penggunaan Pendidikan (BBM)	Sumber	Frekuensi dan Peratusan				
			TP	Jj	Kk	K	SK
8	Penyeliaan membantu saya dalam memilih ABM yang dapat mengukuhkan pembelajaran murid.		5 1.3%	19 5.0%	152 39.8%	183 47.9%	23 6.0%
9	Penyeliaan membantu saya dalam memilih ABM yang dapat merangsang pemikiran murid.		5 1.3%	23 6.0%	164 42.9%	157 41.1%	33 8.7%
10	Penyeliaan membantu saya dalam menggunakan ABM bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik.		5 1.3%	19 5.0%	152 39.8%	179 46.8%	27 7.1%
11	Penyeliaan membantu saya dalam menggunakan ABM bagi		5 1.3%	15 3.9%	139 36.4%	204 53.4%	19 5.0%

meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam pembelajaran.

Keseluruhan Min = 3.53 s.p. = 0.749 Sederhana

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Jadual 14 menunjukkan item-item yang terdapat pada aspek perancangan. Frekuensi tertinggi ialah item 3 sebanyak 57.1 peratus (K=51.1 peratus dan SK=6.0 peratus) iaitu '*Penyeliaan membantu saya mencatat refleksi bagi setiap pelajaran dengan merujuk kepada objektif pelajaran*'. '*Penyeliaan membantu saya dalam menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH)*' (item 2) menunjukkan peratusan persetujuan responden sebanyak 52.9 peratus (K=49.0 peratus dan SK=3.9 peratus). Item 1, '*Penyeliaan membantu saya menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) yang meliputi sepanjang tahun persekolahan*' menunjukkan frekuensi terendah iaitu 52.4 peratus (K=48.5 peratus dan SK=3.9 peratus) dalam aspek perancangan.

Hal ini membuktikan bahawa penyeliaan membantu guru-guru dalam menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT), Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan mencatat refleksi. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Mohd (2013) yang menyatakan refleksi dan analisis selepas pemerhatian boleh dijadikan asas dalam merancang dan membina program pembangunan kapasiti pengajaran guru. Hal ini disokong oleh Nadia (2013) yang menyatakan bahawa antara salah satu aktiviti yang boleh diterap oleh penyelia ialah meningkatkan kemahiran refleksi guru untuk membantu guru membangunkan tahap profesional mereka dalam melaksanakan pengajaran.

Jadual 14: Rumusan Tahap Kualiti Pengajaran Guru Berdasarkan Aspek Perancangan

No	Item Perancangan	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
1	Penyeliaan membantu saya menyediakan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) yang meliputi sepanjang tahun persekolahan.	8 2.1%	36 9.4%	138 36.1%	185 48.5%	15 3.9%
2	Penyeliaan membantu saya dalam menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH).	5 1.3%	27 7.1%	148 38.7%	187 49.0%	15 3.9%
3	Penyeliaan membantu saya mencatat refleksi bagi setiap pelajaran dengan merujuk kepada objektif pelajaran.	2 0.5%	18 4.7%	144 37.7%	195 51.1%	23 6.0%
Keseluruhan		Min = 3.49	s.p. = 0.747	Sederhana		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Jadual 15 merupakan item-item yang terdapat dalam aspek teknik penyoalan. Item 6 menunjukkan frekuensi tertinggi sebanyak 54.7 peratus (K=49.7 peratus dan SK=5.0 peratus) iaitu '*Penyeliaan membantu saya mengemukakan soalan yang dapat meningkatkan minat keseluruhan murid untuk terlibat dalam PdP*'. '*Penyeliaan membantu saya dalam membina soalan bagi mencetus pemikiran kreatif murid*' (item 7) menunjukkan frekuensi terendah iaitu 46.1 peratus (K=42.2 peratus dan SK=3.9 peratus) dalam aspek teknik penyoalan.

Hal ini menunjukkan bahawa penyeliaan membantu guru-guru dalam mengemukakan soalan yang mudah difahami murid, meliputi pelbagai aras kognitif, meningkatkan minat keseluruhan murid serta mencetus pemikiran kreatif murid. Dapatan ini menyokong kajian Rahimah (2008) yang mendapati bahawa 90.5% guru menyatakan penyeliaan meningkatkan keyakinan guru dan mendorong guru memperbaiki teknik pengajaran mereka. Ia juga menyokong kajian Holland & Adams (2002) yang mendapati bahawa penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah dapat meningkatkan perkembangan pengajaran. Dapatan kajian Arsaythamby dan Mary (2013) juga menunjukkan peningkatan yang paling tinggi dalam teknik penyoalan guru iaitu mengemukakan soalan bertumpu dan bercapah.

Jadual 15: Rumusan Tahap Kualiti Pengajaran Guru Berdasarkan Aspek Teknik Penyoalan

No	Item Teknik Penyoalan	Frekuensi dan Peratusan				
		TP	Jj	Kk	K	SK
4	Penyeliaan membantu saya dalam mengemukakan soalan yang mudah difahami murid.	5 1.3%	15 3.9%	166 43.5%	181 47.4%	15 3.9%
5	Penyeliaan membantu saya dalam mengemukakan soalan yang meliputi pelbagai aras kognitif.	2 0.5%	18 4.7%	172 45.0%	167 43.7%	23 6.1%
6	Penyeliaan membantu saya mengemukakan soalan yang dapat meningkatkan minat keseluruhan murid untuk terlibat dalam PdP.	2 0.5%	14 3.7%	157 41.1%	190 49.7%	19 5.0%
7	Penyeliaan membantu saya dalam membina soalan bagi mencetus pemikiran kreatif murid.	5 1.3%	23 6.0%	178 46.6%	161 42.2%	15 3.9%
Keseluruhan		Min = 3.49	s.p. = 0.699	Sederhana		

(TP: Tidak Pernah, Jj: Jarang-jarang, Kk: Kadang-kadang, K: Kerap, SK: Sangat Kerap)

Hubungan antara Amalan Penyeliaan dengan Kualiti Pengajaran Guru

Hubungan antara amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru dikenal pasti melalui analisis korelasi *Pearson*. Hasil analisis korelasi *Pearson* dipaparkan seperti Jadual 16.

Jadual 16 Analisis Korelasi *Pearson* Hubungan Antara Tahap Amalan Penyeliaan Dengan Kualiti Pengajaran Guru

		Tahap Amalan Penyeliaan
Kualiti Pengajaran Guru	Pearson Correlation	.653**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	382

Jadual 16 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru di Selangor, $r(382) = 0.653$, $p < 0.01$. Kekuatan korelasi antara tahap amalan penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru berada pada kekuatan positif yang sederhana. Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan

penyeliaan dengan kualiti pengajaran guru. Ini bermakna H_{0i} adalah ditolak. Kekuatan hubungan ialah sederhana.

Dapatan ini selaras dengan kajian Rahimah (2008) iaitu 88.9% responden menyatakan penyeliaan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru selalunya sedar kelemahan mereka terutama berkait dengan pengajaran dan pembelajaran. Untuk itu, guru-guru sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan mereka agar pada masa hadapan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik. Acheson dan Gall (2003) turut menyatakan bahawa penyeliaan memiliki hubungan dengan perkembangan dan peningkatan profesionalisme guru.

Rumusan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan tahap amalan penyeliaan pengajaran guru dan tahap kualiti pengajaran guru di Selangor masih berada pada tahap sederhana. Ia juga menimbulkan implikasi terhadap guru dan pentadbir sekolah. Ia meninggalkan kesan yang baik termasuk tingkah laku guru di bilik darjah, pembelajaran murid dan perubahan guru melalui perkembangan staf. Persepsi sebahagian guru yang merasakan amalan penyeliaan merupakan sesuatu yang membebaskan sebaiknya berfikir lebih positif kerana tujuan utama penyeliaan adalah usaha memartabatkan profesion perguruan dalam meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru agar profesion perguruan dipandang tinggi dan dihormati. Pihak pentadbir sekolah bertanggungjawab dalam bekerjasama untuk mewujudkan kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Penyelia perlu mempunyai kepakaran dalam bidang pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dalam bidang pendidikan.

Para pengkaji boleh melaksanakan kajian dalam bidang penyeliaan terhadap pembolehubah yang lain seperti kepuasan kerja guru pada masa yang akan datang. Hal ini penting bagi mengenal pasti sejauhmana tahap kualiti penyeliaan mempengaruhi efikasi guru dan kepuasan kerja guru. Selain itu, kajian ini tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh tentang amalan penyeliaan di seluruh Malaysia. Kajian lanjutan boleh dijalankan di negeri-negeri yang lain. Kajian yang akan datang akan menjadi lebih bermakna sekiranya turut melibatkan pihak murid mengenai kualiti pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Penyelia dan guru perlu bersedia untuk membawa perubahan yang sangat drastik dan mencabar dalam meningkatkan sistem pendidikan di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak yang berkaitan dalam usaha mencipta kecemerlangan pelajar.

Rujukan

- Alauddin, S. (2003). Kerja Berpasukan: Strategi Ke Arah Keberkesanannya. *Jurnal Pengurusan Awam Jilid 2 Bilangan 1*.
- Arsaythamby, V. & Mary, M.A.K. (2013). Kesan Penyeliaan Klinik Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 28, 81-102.
- Ayob, J. (2004). *Pengetua Sekolah Yang Efektif*. Kuala Lumpur. Utusan Publication.
- Azariah, R. (2014). *Amalan Penyeliaan Dan Hubungannya Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Edisi 2: Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.

- Empi, N. (2005). *Persepsi guru PPSMI terhadap pelaksanaan pencerapan pengajaran di bilik darjah*. Laporan projek sarjana yang tidak diterbitkan. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Faizah, A.M. (2016). Kajian Tindakan dan Pembangunan Profesional Guru-guru di Malaysia: Cabaran dan Strategi. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan*.
- Hamidah, M. (2012). Kecerdasan Pelbagai dalam Mata Pelajaran. http://eprints.uthm.edu.my/4220/1/HAMIDAH_BINTI_MOHAMED.pdf
- Holland, P.E. & Adams, P. (2002). *Through the horns of dilemma between instructional supervision and the summative evaluation of teaching*. *Journal of Educational Leadership* (5): 227-247.
- Holland, P.E. (2004). *Principle of Supervisors: A Balancing Act*. *National Association of Secondary School Principals*. Nass Bulletin.
- Horng, E. & Loeb, S. (2010). New Thinking about Instructional Leadership. *Kappan Magazine*, V92 N3. Diambil pada Jun 30, 2018, dari https://www.schoolturnaroundsupport.org/sites/default/files/resources/Kappan_leadership.pdf
- Ishak, B. (2009). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2018). *Maklumat Sekolah Rendah dan Menengah* seperti pada 30 April 2018. Diambil pada Jun 2, 2018, dari <https://www.moe.gov.my/index.php/my/statistik-kpm/bilangan-sekolah-mengikut-kumpulan-jenis-dan-negeri>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1987). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/1987: Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh pengetua/guru besar sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3/1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia 2008.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd, H. D. & Mohamad, J. S. (2009). *Pengurusan Bilik Darjah. Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pp 161-188.
- Mohd, R.T. (2013). *Penyeliaan Pengajaran Klinikal di MRSM Zon Utara*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. <https://iel.um.edu.my/docs/librariesprovider82/default-document-library/full-pdf9779270890616e0c9441ff6300c617a7.pdf?sfvrsn=0>
- Nadia, H.M.A. (2013). *Pembangunan Profesionalisme Keguruan Menerusi Penyeliaan Pengajaran dalam kalangan Guru-guru Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Tesis Sarjana. Johor. Universiti Teknologi Malaysia. <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwP2/Nadia%20Hartini%20Binti%20Mohd%20Adzmi.TP.pdf>
- Nurahimah, M.Y. (2010). *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru*. Universiti Utara Malaysia.
- Radi, Y. (2007). *Amalan Penyeliaan Pengajaran Terhadap Guru-guru Sains Di Sekolah Menengah Daerah Muar*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Johor Bharu: UTM.

- Rahimah, A.R. (2008). *Amalan Penyeliaan Pengajaran di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Melaka Tengah*. Johor Bharu: UTM.
- Rahimah, A.R. (2008). *Amalan Penyeliaan Pengajaran di Sekolah-sekolah Kebangsaan di daerah Melaka Tengah*. Johor Bahru: UTM.
- Swarts, P. (2008). *ICT as Core and Elective Subject: Issues to be Consider*. Accra: GeSCI.
- Syed, K.S.A., Mohd, F.H.H. & Habib, M. S. (2017). Tekanan Dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, Vol 1: 122-135.
- Tang, K.N. (2007). Persepsi Guru Program Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris Terhadap Pelaksanaan Pencerapan Pengajaran. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 4. pp. 93-107.
- Tay, Y.C., Yap, C.H. & Wong, S.H. (2016). Kesan Amalan Pelaksanaan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, Vol 13:42-52.
- Ware, H. & Kitsantas, A. (2007). *Teacher and collective efficacy beliefs as predictors of professional commitment*. *Journal of Educational Research* (100): 303-310.
- Yunos, O. (2011). *Kepimpinan Pengetua Dalam Penyeliaan Pengajaran Di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.